

IKLAN JAWATAN KOSONG

SIRI 2 | 2026

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) merupakan Universiti Awam Teknikal yang pertama di Malaysia. UTeM juga adalah sebuah Universiti berfokus yang menumpukan aktiviti kesarjanaan dalam bidang kejuruteraan, teknologi kejuruteraan ICT, teknologi dan pengurusan teknologi bagi menjana modal insan yang mempunyai kepakaran meluas dalam bidang teknikal untuk keperluan sektor industri berteknologi tinggi.

UTeM mempelawa **warganegara Malaysia** yang berkeelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi **kekosongan bagi jawatan Pentadbiran** di Universiti ini.

JAWATAN PENTADBIRAN

TARAF PELANTIKAN: KONTRAK

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	Pembantu Keselamatan	KP1	Kontrak	RM1,500.00	RM4,680.00

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- 1) Semua permohonan jawatan Pentadbiran **DIMESTIKAN** menggunakan Sistem Permohonan Jawatan secara atas talian bagi mengisi Borang Permohonan Jawatan dengan melayari <http://www.utem.edu.my> dan klik di pautan yang disediakan di **Quick Links > Job Vacancies > Iklan Perjawatan Pentadbiran**.
- 2) Pemohon mestilah memenuhi syarat lantikan yang telah ditetapkan dalam skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon sebelum memohon jawatan. Skim perkhidmatan boleh dirujuk dengan klik pada gred yang dipohon pada pautan iklan di atas.
- 3) Pemohon dari kalangan **pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan/Badan-Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan** dikehendaki mengemukakan

permohonan melalui **Ketua Jabatan** dan mengisi borang **Pengesahan Ketua Jabatan** di **Lampiran A** sekiranya dipanggil temu duga.

➤ **Muat Turun [Borang Pengesahan Ketua Jabatan di Lampiran A](#)**

- 4) Pemohon dari kalangan **pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Swasta** dikehendaki mengemukakan **surat pengesahan majikan sekiranya dipanggil temu duga.**
- 5) Permohonan yang **TIDAK** dibuat menerusi Sistem Permohonan Jawatan secara atas talian akan **DITOLAK**.
- 6) Pemohon dinasihatkan untuk membaca dengan teliti Arahan Pengisian sebelum memohon jawatan. Pemohon **DIMESTIKAN** memuat naik **gambar terkini berukuran pasport** dan **dokumen sokongan akademik yang berkaitan dengan kelayakan jawatan dipohon.** Pemohon juga **DIMESTIKAN** memuat naik **salinan pengiktirafan kelayakan IPTA/IPTS untuk perkhidmatan awam (www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm).** Kegagalan mengisi maklumat dengan lengkap serta tidak memuat naik dokumen sokongan boleh menyebabkan permohonan calon **DITOLAK**.
- 7) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk menjalani ujian saringan atau temu duga. UTeM berhak untuk membuat keputusan berdasarkan kriteria dan keperluan organisasi. Keputusan adalah muktamad.
- 8) Sekiranya calon tidak menerima sebarang jawapan dari pihak UTeM dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh tutup permohonan, ini bermakna permohonan calon tersebut adalah dianggap tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN JAWATAN PENTADBIRAN:
18 OGOS 2026 (SELASA)

- 9) Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi kami :

Unit Perjawatan
Bahagian Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
06 – 2292151
Email : recruit.non-academic@utem.edu.my (jawatan Pentadbiran)